

Kesabaran, semangat rasional pandu kejayaan

Kejayaan menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan yang berakhir semalam, membuktikan blok itu mampu berfungsi dengan baik, jika dipandu dengan kesabaran serta semangat rasional, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, menerusi sidang kemuncak itu, ASEAN berupaya menyuburkan semula sesi dialog dan membina jambatan baharu bagi menggerakkan rantau ini kepada hara-

pan dan keadilan.

Dalam ucapan penutupan sidang itu, Anwar mengakui tiada mana-mana kepengerusian mampu membetulkan semua krisis, namun apa yang penting ialah setiap tindakan dan langkah diambil memberi masa depan baharu buat blok terbabit.

"Sesetengah krisis akan terus berlarutan. Ada kehidupan yang masih dibayangi ketakutan dan kekurangan. Namun, sejarah jarang berubah secara mendadak.

"Sebaliknya ia melentur secara

perlahan melalui kehendak, usaha, dan ketabahan mereka yang enggan berputus asa. Saya menyanjung tinggi pemimpin sekalian kerana anda semua enggan berputus asa.

"Kita berjaya menghidupkan semula dialog, membina jambatan baharu dan membuktikan bahawa jentera ASEAN apabila dipandu oleh kesabaran dan rasional, masih berfungsi dengan baik," katanya.

Perdana Menteri melahirkan rasa bangga kerana ASEAN ma-

sih kekal bersatu, walaupun berdepan perbezaan dan perdebatan, yang jelas menggambarkan keutamaan ASEAN masih utuh dan kukuh, selain tidak berpecah-belah.

"Dalam dunia hari ini, di mana keteguhan dan kestabilan menjadi nilai yang semakin jarang, *Shakespeare* pernah mengingatkan supaya kita tidak menjadi hamba kepada nafsu.

"Selain seruan supaya kita ditadbir oleh akal dan kewarasan untuk kita tetap teguh di tengah

gelora dan kekacauan masa. Itu lah yang mesti menjadi pegangan ASEAN sekiranya ingin terus bertahan dan maju ke hadapan,' katanya.

Pada majlis penutupan semalam, Malaysia menyerahkan tugas sebagai Pengerusi ASEAN kepada Filipina yang disempurnakan Perdana Menteri dengan upacara penyerahan tukul simbolik kepada Presiden Filipina Ferdinand Marcos Jr, yang akan menggalas tugas Pengerusi bermula 1 Januari 2026.